

Malaysia Tuan Rumah Persidangan Menteri Pendidikan Asia Eropah Pada Mei Tahun Depan
Bernamea
25 Ogos, 2012

JOHOR BAHRU, 25 Ogos (Bernama) -- Malaysia diberi penghormatan menjadi tuan rumah persidangan Menteri-menteri Pendidikan Asia Eropah ke-4 (ASEMME-4) dari 12 hingga 14 Mei tahun depan.

Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata pemilihan itu adalah satu keyakinan dan penghargaan masyarakat antarabangsa terhadap Malaysia dan akan membantu merealisasikan hasrat negara menjadi hab kecemerlangan pengajian tinggi di peringkat antarabangsa menjelang 2020.

"Sebanyak 27 buah negara anggota Kesatuan Eropah, 16 buah negara Asia dan tiga anggota baru iaitu Rusia, Australia dan New Zealand akan dijemput untuk menghadiri ASEMME-4 yang terdiri daripada Menteri/Ketua delegasi dan dua orang pegawai kanan selain melibatkan wakil Sekretariat Asean, Sekretariat Pendidikan Asia Eropah (ASEM) dan Suruhanjaya Eropah," katanya.

Mohamed Khaled berkata demikian kepada pemberita semasa majlis sambutan Rumah terbuka Aidilfitri beliau di Dewan Johor Jaya di sini, hari ini.

Empat perkara utama Proses Pendidikan ASEM dijadikan fokus perbincangan pada persidangan itu iaitu Jaminan Kualiti dan Pengiktirafan; Kerjasama Universiti dan Industri; Mobiliti dan Pembelajaran Sepanjang Hayat; serta Pendidikan Teknikal Vokasional dan Latihan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=689815>